

1 .

Konstruk Pengetahuan Sistem Bahasa: Morfologi

Beberapa garis panduan telah dikeluarkan oleh _____ untuk menangani isu keselamatan murid-murid di kawasan sekolah.

- ☐ A kementerian pendidikan malaysia
- ☐ B Kementerian pendidikan Malaysia
- ☐ C Kementerian pendidikan malaysia
- ☐ D Kementerian Pendidikan Malaysia

2 .

Konstruk Pengetahuan Sistem Bahasa: Morfologi

Semua penonton _____ dengan persembahan wayang kulit yang dipersembahkan oleh kumpulan kebudayaan itu.

- ☐ A terubat
- ☐ B terjerat
- ☐ C terkejut
- ☐ D terhibur

3 .

Konstruk Pengetahuan Sistem Bahasa: Kosa Kata

Pilih ayat-ayat yang menggunakan **perkataan berhuruf condong** dengan betulnya.

- I Suhaila rajin membuat catatan dalam buku *ingatan*.
- II Sila ambil *ingatan* bahawa mesyuarat akan diadakan pada petang esok.
- III Kami berasa kagum kerana *ingatan* datuk masih kuat walaupun beliau sudah berusia 95 tahun.
- IV Sikap yang ditunjukkan oleh orang tua itu menyebabkan *ingatannya* teringat akan bapanya di kampung.

- ☐ A I dan II sahaja
- ☐ B III dan IV sahaja
- ☐ C I, II dan III sahaja
- ☐ D II, III dan IV sahaja

4 .

Konstruk Pengetahuan Sistem Bahasa: Kosa Kata

Pilih ayat-ayat yang menggunakan perkataan berhuruf condong dengan betulnya.

- I Polis telah mengenal pasti kawasan *hitam* yang sering menjadi lokasi kemalangan maut.
- II Pakar pemakanan itu memakai sepasang baju kurung yang berwarna *hitam*.
- III Puan Ina hampir *hitam* apabila mengetahui anaknya meninggal dunia.
- IV Perkara itu dapat *hitam* nama baik doktor-doktor di hospital ini.

- ☐ A I dan II sahaja
- ☐ B III dan IV sahaja
- ☐ C I, II dan III sahaja
- ☐ D II, III dan IV sahaja

5 .

Konstruk Pengetahuan Sistem Bahasa: Sintaksis

Bahagian yang bergaris dalam ayat-ayat berikut mungkin mengandungi kesalahan penggunaan bahasa atau mungkin juga tidak.

Tandakan sama ada A, B atau C jika ayat itu mengandungi kesalahan dan tandakan D jika tiada kesalahan.

“Sejak manakah anda menceburkan diri dalam bidang tarian tradisional ini?” tanya wartawan itu kepada Anissa.

- ☐ A Sejak berapakah kamu
- ☐ B Sejak apakah kalian
- ☐ C Sejak bilakah anda
- ☐ D Sejak manakah anda

6 .

Konstruk Pengetahuan Sistem Bahasa: Sintaksis

Bahagian yang bergaris dalam ayat-ayat yang berikut mungkin mengandungi kesalahan bahasa dan mungkin juga tidak.

Tandakan sama ada A, B atau C jika ayat itu mengandungi kesalahan dan tandakan D jika tiada kesalahan.

Encik Leman membuat aduan tentang keadaan jalan raya-jalan raya yang rosak di sekitar bandar Teluk Intan.

- ☐ A aduan tentang keadaan jalan-jalan raya
- ☐ B adukan tentang keadaan jalan-jalan raya
- ☐ C pengaduan tentang keadaan jalan raya-raya
- ☐ D aduan tentang keadaan jalan raya-jalan raya

7.

Konstruk Pengetahuan Sistem Bahasa: Sintaksis

Pilih ayat-ayat yang betul.

- I Saya suka berkawan dengan Zhang Min kerana dia sangat peramah.
- II Para pengunjung majlis rumah terbuka itu berpeluang untuk memenangi hadiah cabutan bertuah.
- III Selaku pencadang pertama, Aina menyokong tajuk perbahasan, iaitu "Perpaduan Asas Kesejahteraan".
- IV Tenaga ajaran di sekolah swasta itu tidak pernah bersikap pilih kasih terhadap murid-murid yang berlainan bangsa.

- ☐ A I dan II sahaja
- ☐ B III dan IV sahaja
- ☐ C I, II dan III sahaja
- ☐ D II, III dan IV sahaja

8.

Konstruk Pengetahuan Sistem Bahasa: Sintaksis

Pilih ayat-ayat yang betul.

- I Wah, malang sungguh nasib mangsa-mangsa kebakaran itu!
- II Mengapakah bahan-bahan untuk membuat alat muzik tradisional itu?
- III Pokok yang tumbang merintang jalan itu telah dialihkan oleh penduduk taman.
- IV Kami datang awal pada pagi ini untuk menonton persembahan tarian kebudayaan itu.

- ☐ A I dan II sahaja
- ☐ B III dan IV sahaja
- ☐ C I, II dan III sahaja
- ☐ D II, III dan IV sahaja

9.

Konstruk Pengetahuan Sistem Bahasa: Sintaksis

Pilih ayat yang mempunyai maksud yang sama atau maksud yang paling hampir dengan ayat yang dicetak tebal.

Aktiviti gotong-royong dapat mengeratkan hubungan antara anggota masyarakat.

- ☐ A Aktiviti gotong-royong merupakan antara aktiviti anggota masyarakat.
- ☐ B Hubungan antara anggota masyarakat dapat dieratkan melalui aktiviti gotong-royong.
- ☐ C Hubungan erat antara anggota masyarakat menyebabkan berlakunya aktiviti gotong-royong.
- ☐ D Anggota masyarakat hanya mengeratkan hubungan dengan melakukan aktiviti gotong-royong.

10 .

Konstruk Pengetahuan Sistem Bahasa: Peribahasa

Pilih perbandingan semacam *yang* paling sesuai.



Fikri berasa takut kerana kucing itu _____.

- ☐ A garang seperti singa
- ☐ B diam seperti tunggul
- ☐ C ligat seperti gasing
- ☐ D keras seperti batu